

KEGEMILANGAN TAMADUN ISLAM ANDALUS PANDUAN PEMBENTUKAN MODENISASI MASYARAKAT ISLAM

Nur Afiqah binti Jabaruddin
n.afiqah56@gmail.com

Dr. Isa bin Hamzah
isa_hamzah@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Masyarakat Islam mutakhir ini giat bersaing meletakkan diri setanding masyarakat bukan Islam dari segala aspek modenisasi. Senario ini bukan asing lagi, malah sangat digalakkan demi kemajuan Islam itu sendiri. Tamadun Andalus merupakan empayar Islam yang sudah mencapai pelbagai kecemerlangan pada zamannya. Sekitar lapan abad tamadun ini dikatakan telah bertapak dalam khilafah Islamiyyah, bermula tahun 710M sehingga 1492M. Sepanjang tempoh tersebut, Andalus menjadi kawasan tumpuan utama benua Eropah. Justeru, dalam kertas konsep ini, penekanan diberikan kepada faktor utama yang memacu kegemilangan Andalus; iaitu dari sudut politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Budaya keilmuan menjadi antara tarikan utama yang mempamerkan kehebatan tamadun ini, dengan kelahiran ramai sarjana Islam. Faktor kejatuhan Tamadun Andalus turut disertakan pada bahagian akhir penulisan, bagi membangkitkan kesedaran masyarakat di Malaysia akan peri pentingnya mematuhi garis panduan Islam tanpa memisahkannya dari arus kemodenan. Malahan, kertas konsep ini bertujuan menajam pemikiran masyarakat Islam agar menelusuri keunggulan sistem pemerintahan Tamadun Andalus, yang wajar dijadikan kayu ukur bagi merencanakan pembentukan modenisasi masyarakat Islam kini, selari dengan al-Quran dan as-Sunnah.

Kata kunci: *Tamadun Andalus, faktor kegemilangan, modenisasi, masyarakat Islam, Malaysia.*

ملخص البحث

المجتمع الإسلامي المتأخر تسابق في وضع حاله متساويا مع المجتمع غير الإسلامي من شتى جوانب التحديث. وهذا السيناريو لم يكن غريبا، بل أنه مشجع مسائرا من أجل حضارة الإسلام نفسها. فحضارة الأندلس إمبراطور الإسلام الذي نال الإنجازات المتعددة في زمانه. ما يقارب القرن الثامن، هذه الحضارة قيل بأنها نشأت في الخلافة الإسلامية، بدأت في عام ٧١٠ م إلى ١٤٩٢ م. فطوال هذه الفترة، الأندلس أصبحت نقطة الاتصال الرئيسي لقارة أوروبا. لذا، في هذا البحث، ستعرض العناية البارزة بالعوامل الأساسية التي تسعى إلى ثمره الأندلس أي من ناحية سياسية واقتصادية واجتماعية وتربية. فثقافة العلم

من إحدى دوافع الجذابة الرئيسية التي تصوّر مجد هذه الحضارة بنبوغ كثيرا من علماء الإسلام. وسبب اختيار حضارة الأندلس قد نصّ في الجزء الأخير هذا البحث لإنشاء وعي المجتمع في ماليزيا اهتماما كبيرا لطاعة الشريعة الإسلامية بدون انفصالها من التمدّن. فهذا البحث يهدف إلى شحذ عقول المجتمع الإسلامي بالنظر إلى امتياز نظام تدبير حضارة الأندلس بأن يكون معيارا لتنشيط تشكيل تمدّن المجتمع الإسلامي المعاصر موافقا للقرآن والسنة.

الكلمة الرئيسية: حضارة الأندلس، عوامل النجاح، التمدّن، المجتمع الإسلامي، ماليزيا.

PENGENALAN

Siti Fatimah (2018) menyatakan pembentukan Tamadun Islam adalah suatu gambaran kemakmuran sesebuah negara atau kerajaan yang sejahtera, sebagaimana firman Allah dalam alQuran, “*Baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*” (Saba: 15), yang bermaksud “*Negeri kamu ini adalah negeri yang baik (aman dan makmur), dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun*”.

Sebelum Islam tiba di Sepanyol, kesejahteraan dan ketenangan tidak dimiliki oleh rakyat. Hal ini kerana rakyat terseksa dan menderita berada dalam tampuk pemerintahan yang bersifat tamak dan haloba. Peperangan demi peperangan yang berlaku selepasnya menyaksikan kemenangan tentera Islam dan perkembangan proses penyebaran agama Islam di Sepanyol (Salina, 2019).

Andalus merupakan kejayaan sebuah tamadun Islam di bumi Eropah suatu ketika dahulu. Andalusia berasal daripada perkataan bahasa Arab, al-Andalus, iaitu semenanjung Iberia yang menjadi salah satu kawasan pemerintahan Muslim pada waktu itu. Selama hampir lapan abad Andalusia mengekalkan kecemerlangannya di Barat (Khalif, 2009). Pelbagai kerajaan bertapak di Andalus dalam tempoh lebih 700 tahun, menjadikannya antara wilayah utama dalam pengkajian sejarah ketamadunan Islam. Oleh sebab itu juga, kerajaan Islam Andalus sering diangkat sebagai topik perbincangan dalam penulisan tamadun Islam dan karya sejarah (Ezad Azraai, 2011).

Andalus diklasifikasikan sebagai pusat intelektual Islam suatu ketika dahulu kerana sumbangannya yang merangkumi pelbagai bidang dan kemajuan, selain tinggalan seni bina dan sejarah Islam yang mengkagumkan dunia hari ini (Mohd Iszatul, 2018).

Menariknya, kemajuan yang dicapai Andalus setelah itu memperlihatkan sedikit jurang perbezaan masyarakatnya dengan penduduk Eropah di kota lain. Sebagai contohnya, di saat Andalus aktif membangunkan kemudahan hospital dan pusat perubatan bersama aktiviti pengkajian serta penulisan ratusan buah buku perubatan, pengamal perubatan Eropah pula masih

lagi bergelumang dengan stereotaip masyarakatnya yang mendakwa mereka sebagai ahli sihir kerana kaedah rawatan yang diberikan (Rosli Mokhtar, 2013).

Institusi-institusi pendidikan di Andalus memainkan peranan penting dalam memperkenalkan bidang sains dan teknologi kepada Eropah. Penuntut datang dari pelbagai tempat seperti Perancis, Jerman dan England untuk mempelajari ilmu-ilmu tersebut seperti Matematik, ilmu Falak dan sebagainya. Kenyataan ini turut diakui oleh Barat (Alias, 2013).

SEJARAH KELAHIRAN TAMADUN ANDALUS

Andalusia bermula dengan penerokaan kota tersebut oleh Tariq bin Ziyad, ketika zaman pemerintahan Bani Umayyah. Musa bin Nusair membawa bantuan ke benua Eropah sehingga tentera Islam berhasil menguasai wilayah-wilayah di Andalus sepanjang tempoh lima tahun kemenangan mereka di sana, sekitar 711-715M (Rosli Mokhtar, 2013).

Menurut Ezad Azraai (2011), dalam karya Hamka “*Sejarah Umat Islam*”, sejarah empayar Islam di Andalus dimulai dengan rentetan peristiwa ancaman Abbasiyyah terhadap Abdul Rahman al-Dakhil sehingga beliau melarikan diri ke wilayah tersebut. Justeru beliau secara tidak langsung telah membawa warisan Umawi di Andalus. Salwasalsabila (dalam Amar, 2018) turut membicarakan mengenai kehadiran khalifah dari Bani Umayyah yang berpusat di Damsyik sebagai pemerintahan Islam pertama di Sepanyol. Namun begitu, ekspedisi ketenteraan Tariq dan Musa hakikatnya mendahului kemasukan Islam di sana.

Kebangkitan kuasa baru ini berlaku setelah kejatuhan kerajaan Visigoth oleh bala tentera Islam pimpinan Tariq bin Ziyad seramai kira-kira tujuh ribu sehingga dua belas ribu orang, berdasarkan tulisan Kennedy (dalam Ahmad Nabil, 2018).

Pada awalnya, penguasaan umat Islam di Afrika Utara berlaku pada zaman Khalifah Abdul Malik (685-705M). Musa telah dilantik menggantikan Hasan bin Nu'man ketika itu. Kejayaan Musa memperluas wilayah kekuasaan Khalifah Abdul Malik sehingga ke Algeria dan Morocco menjadi kunci kejayaan penaklukan di Sepanyol setelah itu (Ammar, 2018).

Jika dilihat dari sudut etimologi, perkataan Andalus merujuk kepada tanah asal peribumi Vandal (*land of the Vandals*), di Semenanjung Iberia, iaitu daerah selatan Sepanyol yang berada di bawah kekuasaan bangsa Jerman sejak 407 sehingga 429SM (Ahmad Nabil, 2018).

TOKOH-TOKOH PEMERINTAH UTAMA

Khalifah al-Walid b. Abdul Malik

Era ini dikenali sebagai ‘*Rule of Dependent Amirid*’ (92H/ 711M hingga 138H/ 756M). Pada permulaannya, Khalifah al-Walid memerintah di Damsyik. Tumpuan diberikan kepada perluasan wilayah jajahan dan penerokaan destinasi baru.

Beliau telah membina satu sistem kebajikan, hospital, dan institusi pendidikan. Beliau juga terlibat dalam usaha membaiki serta mempercantik Masjid an-Nabawi di Madinah. Selain itu, beliau mengambil tindakan bijak membeli sebuah gereja dan mengubahnya menjadi sebuah masjid yang digelar Masjid Ummayyah (Noranizah & Ezad, 2012).

Kemudian, beliau membina angkatan laut yang gagah dan memperkuatkan angkatan tentera sedia ada. Beliau merupakan tokoh yang membina dan menyiapkan pembinaan Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis. Kedudukan Andalus yang jauh dari pusat pemerintahan Islam pada waktu itu menyukarkan kemajuan Andalus di peringkat awal. Beliau diganti oleh adiknya, Sulaiman bin Abdul Malik.

Abdul Rahman al-Dakhil

Seterusnya, era '*Rule of Independent Amirid*' dalam tempoh 138H/756M hingga 300H/912M. Pemerintah Bani Umayyah pada tempoh ini menggunakan gelaran amir, sebagaimana dinyatakan James (dalam Noranizah & Ezad, 2012). Amir Abdul Rahman al-Dakhil telah berjaya menjadikan Andalus sebuah wilayah yang maju.

Maruwiah (dalam Noranizah & Ezad, 2012) menjelaskan ibu kota Cordova dijadikan sebagai pusat pemerintahan beliau yang gagah. Beliau juga telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat di Andalus sama ada dalam aspek sosial, politik dan ekonomi. Beliau turut meletakkan asas-asas yang kukuh kepada pewaris-pewaris kerajaan Bani Umayyah selepasnya.

Abdul Rahman al-Nasir

Inilah era ketiga, iaitu '*Rule of Khilafah*' yang bermula pada 300H/912M hingga 422H/1031M. Zaman ini merupakan kemuncak kejayaan Islam di Andalus. Abdul Rahman al-Nasir berjaya memimpin kerajaan Andalus yang lemah selama 25 tahun, sejak di bawah pengaruh datuknya Abdullah, lalu Andalus bergelar pemerintahan paling terkuat dan terluas, menurut Maruwiah (dalam Noranizah & Ezad, 2012).

Beliau menggunakan kembali gelaran khalifah setelah ianya tidak digunakan selama 179 tahun oleh keluarga Bani Umayyah, sebagaimana dicatatkan oleh Miles dan Safran (dalam Noranizah & Ezad, 2012). Al-Maghrib dan Ceuta di Afrika Utara dari Kerajaan Fatimiyah berjaya ditawan olehnya pada 306H/918M dan 320H/ 931M. Perkembangan ilmu pengetahuan membangunkan sistem pendidikan di zamannya. Maka lahirlah prasarana-prasarana pendidikan iaitu masjid, sekolah, perpustakaan dan lain-lain lagi. Beliau digantikan oleh anaknya al-Hakam II setelah berkuasa selama 50 tahun.

FAKTOR KEGEMILANGAN TAMADUN ANDALUS

Salina (2019) mengulas penulisan karya Rosli Mokhtar (2013) yang menghuraikan kegemilangan Tamadun Andalus berlaku sebaik sahaja berada di bawah kepimpinan Gabenor di Sepanyol. Ketika ini, rakyat Kristian dengan sukarela telah menghadiri proses pengislaman. Zaman kegelapan mereka sebelum itu disulami dengan kepercayaan tahyul dan kejahilan yang berlebihan.

Amalan toleransi dalam pemerintahan Islam itu sendiri memberi kelonggaran kepada penduduk Kristian untuk merasa aman dan bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing tanpa gangguan, sama ada kebarangkalian gereja mereka diruntuhkan atau diambil alih oleh tentera Islam. Pentadbiran Islam turut menaik taraf infrastruktur, seperti pembinaan jambatan Cordova yang menjadi kebanggaan Barat. Kegemilangan tamadun Andalus sememangnya dipengaruhi oleh beberapa faktor utama dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan pendidikan.

Politik

Khalif (2009) menegaskan keunggulan Islam membentuk sistem politik yang sangat berkesan di Andalus. Jelasnya, warisan kecemerlangan pemerintahan Rasulullah s.a.w berkesinambungan di bumi Andalus. Konsep pembangunan modal insan menjadi tunjang utama dalam pembangunan tamadun. Baginda sentiasa menekankan pembangunan insan sebelum perkara lain. Rakyat yang baik sahsiah dan akhlak akan mencipta tamadun yang bijaksana baik dari segi intelek mahupun jasmani.

Kerajaan yang bijaksana ini bermula daripada keadilan pemerintahan pemimpinnya. Masyarakat Arab melalui proses transformasi budaya dan pemikiran setelah kedatangan Rasulullah s.a.w. Wahyu yang dibawa Rasulullah s.a.w kepada umatnya adalah bukti pertama penyebaran ilmu pengetahuan Islam. Tradisi keilmuan inilah yang kemudiannya menjadi asas utama pemerintahan aman dan sejahtera. Setelah tamadun Islam menapak di benua Eropah dan Andalus, ianya membuka pintu kemajuan kepada dunia Barat melalui penyebaran ilmu secara meluas (Khalif, 2009).

Menurut Ezad Azraai (2011), Hamka berpendapat kedatangan Abdul Rahman al-Dakhil sebagai agen perubahan yang baik kepada kerajaan Umawi di Andalus. Hal ini dibuktikan dengan kukuhnya sistem pentadbiran yang terbentuk setelah itu. Kerajaan Umawi berada di satu tahap pencapaian yang cemerlang dan stabil. Setiap konflik dan pemberontakan berjaya diselesaikan dengan baik. Kerajaan-kerajaan Kristian yang bersempadan dengan Andalus juga merasa gerun dan tunduk terhadap kedaulatan pemerintahan beliau selama separuh abad itu.

Ekonomi

Thomson & Rahim (dalam Mohd Iszatul, 2018) melihat kepadatan penduduk Muslim di Andalus memudahkan mereka untuk memonopoli hampir kesemua bidang perniagaan, perdagangan dan memenuhi keperluan harian masyarakat. Sumber utama ekonomi di waktu itu adalah dalam bidang industri, seiring dengan matlamat untuk meningkatkan kemajuan negara. Kegiatan perdagangan pula melangkah ke tahap yang lebih tinggi dengan berlakunya perkongsian perniagaan bersama pedagang luar, bersandarkan kepada kontrak khas yang ditulis pakar syariah.

Pada zaman Abdul Rahman al-Nasir, kemakmuran ekonomi Andalus berada di puncaknya. Mereka telah menjalankan perdagangan antarabangsa selain daripada perdagangan tempatan (Noranizah & Ezad, 2012). Pedagang-pedagang Andalus berdagang hingga ke Constantinople dan Damsyik. Aktiviti perdagangan ini sebenarnya berlaku secara meluas melalui darat dan laut. Lalu,

terbentuklah bandar-bandar pelabuhan. Kerajaan Andalus juga banyak menjalinkan hubungan dengan kerajaan luar seperti Mesir, Itali, Utara Eropah dan sebagainya.

Sektor pertanian berkembang sejajar dengan peningkatan keperluan penduduk Andalus dan mula diberi perhatian oleh pemerintah. Berdasarkan laporan kajian Norazidah dan Ezad (2012), mereka turut mengeksport buah-buahan ke Syria dan kain-kain tenunan ke Yaman dan Mekah. Kain kapas dan kain linen pula dieksport ke Iraq.

Individu yang datang ke Andalus juga dikhabarkan tidak sukar memperoleh barangan keperluan harian dengan harga yang rendah, kerana ekonomi Andalus yang baik. Manakala barangan mewah seperti minyak wangi, pakaian dan barangan kulit dieksport ke Perancis dari Cordova. Bagi barangan perhiasan pula, masyarakat Andalus mengimport gading gajah dari luar negeri untuk menghiasi perabot, mimbar, pintu masjid dan peti berukir pelbagai bentuk (Mohd Iszatul, 2018).

Sosial

Kota Cordova dilihat setanding dengan kota lain di bawah pemerintahan Islam seperti Qairawan, Damsyik dan Baghdad terutamanya dalam bidang keagamaan dan kebudayaan, sewaktu pentadbiran dipimpin oleh Khalifah Abdurrahman, al-Hakam dan al-Mansur. Satu laporan menyatakan Cordova mempunyai 1 600 buah masjid, 900 buah tempat mandi umum, 60,300 buah villa, 213 077 buah rumah dan 80 455 buah kedai atau premis perniagaan. Kota-kota lain di Andalus turut memiliki kemudahan dan kemegahan tersebut (Ammar, 2018).

Menurut Suhaila (2017), sistem perkhidmatan iaitu sistem pos, turut mengalami pengemaskinian pada zaman Khalifah Abdul Rahman III. Sistem ini tersebar luas meliputi seluruh daerah kerajaan Islam di Andalus, memudahkan penyampaian maklumat.

Perkembangan bidang sains dan teknologi di Andalus turut menyumbang kepada sektor perubatan. Penubuhan hospital-hospital awam dan persendirian tumbuh bagaikan cendawan setelah kemunculan ramai doktor dan pakar perubatan. Terdapat kira-kira empat puluh buah hospital yang bertempat di Cordova ketika itu. Pakar-pakar ini turut memberi khidmat di universiti-universiti seluruh kota di Andalus sebagai tenaga pengajar sebagaimana dicatatkan oleh Azam (dalam Salmah & Rafidah, 2016).

Masyarakat Andalus mempunyai sistem sosial yang sangat sistematik dan berada di kelasnya yang tersendiri. Para sarjana tidak mementingkan jawatan dan kedudukan, walaupun kerajaan memberikan kelebihan tersebut kepada mereka. Bahkan masyarakatnya memandang tinggi pencapaian akademik seseorang berbanding kedudukan sosial atau harta benda kemewahan yang dimiliki. Situasi ini mengangkat martabat para pendidik seperti guru, cendekiawan dan para sarjana secara tidak langsung. Mereka memiliki status sosial yang tinggi dan selalu menerima penghormatan dalam kalangan penduduk dan pemerintah. Kadar buta huruf juga menjadi sangat

rendah kerana kebolehan membaca dan menulis yang tinggi, berbanding negara dan kerajaan lain pada tempoh masa tersebut (Salmah & Rafidah, 2016).

Pendidikan

Ammar (2018) berpandangan kecemerlangan bidang keilmuan di Andalus berlaku di tangan pengganti Abdurrahman III, iaitu al-Hakam, seorang sarjana yang memiliki kekuatan dan keinginan yang tinggi untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Impaknya, Andalus berjaya sampai ke tahap yang lebih dinamik, sehingga bergelar pusat tumpuan ilmu pengetahuan, kesusasteraan dan peradaban. Sebanyak 27 buah sekolah telah dibangunkan di ibu kota selain pembentukan sebuah universiti terbaik di dunia pada masa itu, iaitu Universiti Cordova yang dibina di kawasan masjid. Penubuhan itu menjadi pencetus inspirasi kepada pembukaan Universiti al-Azhar di Cairo (Mesir) dan Universiti Nizamiyah di Baghdad.

Cordova juga memiliki perpustakaan besar iaitu perpustakaan al-Hakam yang mengumpulkan sejumlah 400 000 buah buku di dalamnya. Kebanyakan buku diperoleh dari Iskandariah, Damsyik dan Baghdad. Sejarah mencatatkan penerbitan buku nukilan al-Isfahani, seorang pengarang dari Iraq berketurunan Bani Umayyah, mampu beroleh bayaran sekitar 1000 dinar (Ammar, 2018).

Sasterawan Cordova yang pertama ialah Ibnu Abd Rabbihi (860-940M). *Iqd-al-Farid* atau *The Unique Necklace* merupakan karya beliau dan hasil kesusasteraan pertama umat Islam di Eropah. Sungguhpun begitu, Ibn Hazm (994-1064M) lebih terkenal sebagai tokoh dalam kesusasteraan Islam di Andalus. Beliau pernah menyandang jawatan *wazir* (menteri) di usia mudanya, semasa pemerintahan Khalifah Abdul Rahman V dan Khalifah Hisham III. Kemudian beliau bersara dan kekal sebagai penulis setelah kejatuhan Khalifah Umayyad. Dalam catatan Ibnu Khalikan, seorang penulis biografi Islam, Ibn Hazm telah menghasilkan empat ratus buah buku pelbagai bidang seperti sejarah, puisi dan logik. Keistimewaan penulisannya terserlah dalam buku-buku moden dan perbandingan agama (Salmah & Rafidah, 2016). Karya beliau *Tauq al-Hamamah* atau *The Ring of The Dove*, yang mengetengahkan elemen cinta sebagai fokus utama pernah menjadi kontroversi dalam kalangan ulama' dan kini merupakan antara karangan yang sentiasa menjadi rujukan ahli bahasa.

Ahmad (dalam Suhaila, 2018) menceritakan keadaan benua Eropah melalui Zaman Kegelapan selama lebih kurang lapan abad iaitu dari abad ke-4 sehingga abad ke-12 Masihi. Kegelapan tersebut berlaku kerana pemikiran masyarakat yang membeku, tanpa sebarang aktiviti penerokaan ilmu.

Tamadun Andalus memberi sumbangan besar kepada tamadun Barat. Rombongan orang Eropah berpusu-pusu datang ke Sepanyol untuk menuntut ilmu pada abad ke-12 Masihi, dengan memberi tumpuan kepada bidang matematik, perubatan, astrologi dan astronomi. Seterusnya pada akhir abad ke-13 Masihi, mereka membawa dan menyebarkan pengetahuan yang telah dipelajari ke Jerman, Lorraine, England dan Eropah Tengah, sebagaimana diperkatakan oleh Wan Fuad (dalam Mohd Roslan, 2010).

Masyarakat Barat sendiri memandang tinggi agama Islam di Andalus. Tidak berapa lama selepas itu, masyarakat Barat mula menterjemahkan karya-karya sarjana Islam kepada bahasa asing seperti Latin dan Ibrani. Mereka bijak memanfaatkan ilmu tersebut sehingga akhirnya tamadun Barat mampu berdiri sebagai sebuah kerajaan (Mohd Roslan, 2010).

Di akhir pemerintahan Islam di Andalus, kegiatan ilmuan kesusasteraan hanya berfokus kepada proses penyusunan dan penyuntingan. Malah yang lebih mendukacitakan, penghasilan karya baru tidak lagi berlaku (Salmah & Rafidah, 2016).

FAKTOR KEJATUHAN TAMADUN ANDALUS

Khalifah Hisham pernah berpesan kepada anaknya al-Hakam I agar sentiasa berlaku adil dan berlemah-lembut kepada semua lapisan masyarakat tidak kira pangkat atau keturunan. Sebaliknya al-Hakam I tidak mengikuti nasihat tersebut, serta bertindak untuk menjadi pemerintah yang menzalimi rakyatnya dan orang-orang bawahannya. Beliau adalah satu-satunya sultan yang memerintahkan enam ribu orang untuk menjadi pengawal peribadinya. Tentera Kristian memperoleh kemenangan pertama dengan kejatuhan Barcelona ke tangan mereka dalam tempoh tersebut. Al-Hakam I juga terlibat secara langsung dalam peristiwa “*Day of the Ditch*”, iaitu tragedi pembunuhan terhadap pembesar-pembesar Toledo. Pemberontakan turut berlaku di beberapa kawasan pemerintahan Islam kerana kekejaman beliau yang tidak mengampunkan kesalahan kecil rakyatnya dan menghukum mereka (Khalif, 2009).

Rosli Mokhtar (2013) dalam karyanya *Era Kegemilangan Andalusia; Antara Fakta dan Iktibar* menceritakan keadaan huru-hara yang berlaku di zaman kejatuhan Andalus. Era kegemilangan Islam ini terkubur kerana ketamakan pemerintah Islam pada masa itu. Perebutan kuasa yang berlaku setelah kematian Abdul Rahman dari keluarga Amiriah yang suka berfoya-foya, kaki perempuan dan cintakan hiburan menjadi titik tolak kejatuhan Islam. Ketua-ketua kawasan bertelagah sehingga ada yang tanpa segan silu meminta bantuan tentera Kristian untuk menentang tentera Islam, iaitu saudara mereka sendiri. Di sinilah kerajaan Kristian mengambil kesempatan meluaskan kuasa pemerintahan mereka sedikit demi sedikit sehingga Islam tertindas di bumi Sepanyol (Salina, 2019).

Setelah Tamadun Islam berada di puncak kegemilangannya, kemewahan yang melimpah-ruah seakan mula mendominasi kehidupan masyarakat Islam di kota khususnya. Hal ini tidak terkecuali turut berlaku dalam Tamadun Andalus. Rakyat mula takut kepada peperangan kerana kecintaan yang tinggi terhadap harta benda dan nyawa mereka. Tanggungjawab kepada agama mula diabaikan kerana asyik mengumpul kekayaan di samping keseronokan bergelumang dengan unsur-unsur hiburan dan maksiat yang akhirnya menghakis akhlak Muslim sejati. Ketidakeimbangan pembangunan lahiriah dan rohaniah ini menjadi antara punca kegoyahan kerajaan Islam (Mahayudin, 2015).

Dalam pemerintahan Islam, Khalif (2009) menggariskan panduan mengenai peranan *umara'* (pemerintah) dalam menyanjungi *ulama'* (ilmuwan). *Ulama'* adalah penasihat kepada

pemerintah dan tidak boleh dijadikan alat untuk membenarkan perkara yang salah. Tokoh falsafah Islam seperti Ibn Khaldun (1332-1406M), yang pernah memegang jawatan pembesar di Andalusia dan Tunisia adalah saksi kepada kerakusan *umara'* mempergunakan *ulama'* sehingga akhirnya kerajaan-kerajaan Islam ketika itu yang dilihat utuh telah tersungkur tewas dengan ketamakan sendiri. Beliau yang tidak mahu bekerjasama dengan sultan juga telah diburu bersama keluarganya sehingga terpaksa melarikan diri ke tempat selamat. Perebutan kuasa telah mengaburi banyak mata yang impikan kuasa semata-mata. Tiada lagi keikhlasan apabila bertemu *ulama'*, pemerintah hanya ingin memaanfaati mereka untuk meluaskan pengaruh pemerintahan.

Ketika Andalus sudahpun dalam genggaman orang-orang Kristian, tiada lagi istilah toleransi yang diamalkan mereka. Mengikut sejarah, pada abad ke-13, seramai 3 juta orang Islam serta 2 juta orang Yahudi telah diusir dari Sepanyol sebagaimana dibincangkan oleh Thomson & Muhammad Ata'ur-Rahman (dalam Khalif, 2009). Sudahnya, sinaran ketamadunan dan keilmuan hilang lenyap meninggalkan bumi Andalus.

Siti Fatimah & Maimun (2015) merungkaikan zaman kebangkitan atau *Renaissance* di Eropah yang muncul setelah kejatuhan Andalus dan keruntuhan kerajaan Islam di Baghdad, adalah permulaan kemajuan Barat sehingga kini. Umat Islam pula mengalami kemunduran dan kebekuan setelah itu terutamanya dalam bidang keilmuan.

Kesimpulan

Muammar (2009) menegaskan bahawa kehebatan Tamadun Andalus adalah kerana bersandarkan kepada perkara-perkara asas yang telah dipasak oleh baginda Rasulullah SAW ketika membina kerajaan Islam di Madinah. Hal ini jelas memberi gambaran kecemerlangan Andalus hakikatnya satu pembuktian kegemilangan peradaban Islam yang bertauhidkan Allah.

Keistimewaan empayar Islam jelas dipamerkan dalam prinsip Islam yang tidak membezakan layanan kepada rakyatnya, sekalipun kepada golongan yang bukan beragama Islam. Asad (dalam Siti Fatimah, 2018) menampilkan perbandingan dalam Tamadun Rom. Slogan mereka ialah "*Roman justice*", iaitu keadilan untuk warga Rom sahaja, yang memberi makna layanan hamba abdi yang buruk akan diberikan kepada rakyat dari negara jajahan lain. Hal ini jelas membuktikan sifat universal dalam pemerintahan Islam yang perlu dikekalkan dalam ketamadunan moden hari ini.

Menelusuri perbincangan Che Haslina (2013), keruntuhan akhlak turut sama menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Islam kerana lebih menumpukan aspek materialisme dan meninggalkan sudut pemurnian kerohanian atau spritual umat Islam. Tipisnya akidah telah melumpuhkan jiwa yang melahirkan akhlak buruk tersebut. Berpatah balik kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah dapat mengembalikan dan membaik pulih personaliti umat Islam. Rasulullah sendiri sentiasa mempamerkan akhlak mulia bagi membentuk sifat para sahabat ke arah keperibadian Muslim sebenar.

Kegemilangan Tamadun Islam boleh dikembalikan walaupun prosesnya mungkin menjadi sangat sukar dan memakan tempoh yang berpanjangan. Asas Tauhid berperanan penting untuk menjayakan misi ini. Maka Tauhid perlu dihayati sebaiknya bagi melahirkan *wahdah* atau kesatuan dalam kalangan umat Islam hari ini. Namun begitu, dalam arus pemodenan ini, pendekatan dinamik harus dititikberatkan seiring perkembangan sains dan teknologi (Mohd Roslan, 2010).

Mohd Iszatul (2018) memberi saranan agar negara Islam seperti Malaysia sentiasa berusaha untuk mempelajari dan memahami selok-belok pentadbiran di zaman Andalus, bagi membantu perkembangan kemajuan negara terutamanya dalam bidang teknologi dan ekonomi. Kesan penerokaan ilmu ini secara tidak langsung akan dapat melahirkan ramai ilmuwan dalam pelbagai bidang.

Sidek Baba (dalam Siti Fatimah & Maimun, 2015) menjelaskan matlamat dasar pendidikan di Malaysia sejak merdeka adalah pembangunan ilmu dan pendidikan. Pendidikan agama pula adalah faktor penting yang berperanan mencorakkan peribadi modal insan yang mantap sejak tahun 80an.

RUJUKAN

- Ahmad Nabil Amir. (2018). Warisan Kegemilangan Pendidikan Islam Di Andalus. *Jurnal Hadhari* 10 (1) (2018) 49-61. Kuala Lumpur.
- Alias bin Azhar. (2013). Sains dan Teknologi dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi. *Jurnal al-Tamaddun Bil.* 8 (1) 2013, 51-66. Universiti Utara Malaysia.
- Ammar Muhammad. (2018). Islam di Andalus. Artikel: September 2018. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Che Haslina Abdullah. (2013). Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam. *Jurnal Hadhari* 5 (1) (2013) 199 – 213. Universiti Teknologi Mara, Pulau Pinang, Malaysia.
- Dr. Salmah Omar dan Dr. Rafidah Mohamad Cusairi. (2016). Jejak kegemilangan Islam: Tokoh-tokoh Sarjana Islam Andalus Pada Abad ke 10 hingga 13 Masihi. *Conference Paper: October 2016*. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, CAS. Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Ezad Azraai Jamsari, Noranizah Yusuf, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Adibah Sulaiman @ Mohamad. (2011). Sejarah Kerajaan Islam di al-Andalus Menurut Buku *Sejarah Umat Islam* Karya Hamka. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalif Muammar. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu. *Jurnal Hadhari Bil.* 2 (2009) 15-31, 18. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Hj Yahaya. (2015). `Umran: Pemangkin Kemakmuran di Alam Melayu. *Journal of Human Development and Communication. Volume 4, 2015 [45–62]* UNIMAP. Faculty of Arabic Language and Islamic Civilization, Islamic University of Sharif Ali. Negara Brunei Darussalam.
- Mohd Iszatul Salleh, Muhd Wafi Nazrin Azman, Siti Suhaila Ihwani. (2018). Kewujudan Sains Dan Teknologi di Andalusia. Prosiding Seminar Tamadun Islam Universiti Teknologi

- Malaysia. 139-152. 2018. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2010). Meneladani Sejarah Umat Islam Dalam Membentuk Masyarakat Hadhari Yang Gemilang Abad Ke 21. *Jurnal Hadhari* 2 (2) (2010) 19-40. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noranizah Yusuf, Ezad Azraai Jamsari. (2012). Perkembangan Sektor Perdagangan Andalus Zaman Pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah. *Jurnal Islamiyyat* 34 (2012): 59–70. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosli Mokhtar. (2013). *Era Kegemilangan Andalusia; Antara Fakta & Iktibar*. Selangor: Best Seller Publication.
- Salina Husain. (2019). Ulasan Buku: *Era Kegemilangan Andalusia. Antara Fakta Dan Iktibar* Oleh Rosli Mokhtar .Jauhar: Jilid 3, Bil. II: Oktober 2019. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad, Maimun Aqsha Lubis. (2015). Islam Hadhari Dalam Pendidikan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisa Epistemologi. *Jurnal Hadhari* 7 (1) (2015) 1-18. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Mohd, Rahimah Embong, Hanif Md Lateh @ Junid, Mohamad Zaidin Mat@ Mohamad. (2018). Karakteristik dan Cabaran Tamadun Islam Menurut Pemikiran Muhammad Asad. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 16 2018 (Januari). Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Suhaila Abdullah. (2018). Pembudayaan Ilmu Di Andalusia Dan Iktibarnya Untuk Pembangunan Tamadun Di Malaysia. *Jurnal Peradaban*, Jil. 11, 1-23 (2018). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Suhaila Sharil. (2017). Kegagalan Melaksanakan Pemerintahan Islam Punca Kehilangan Kuasa Islam Di Andalus. Kolej Universiti Islam Antarabangsa.